

21/02/2001

Sultan Kelantan sumbang yuran peperiksaan pelajar

GUA MUSANG, Selasa - Sultan Kelantan hari ini menyampaikan sumbangan kepada 379 pelajar sekolah menengah di jajahan ini, yang sebelum ini dilaporkan gagal membayar yuran peperiksaan kerana keluarga kesempitan wang.

Sumbangan peribadi baginda itu, sebanyak RM200 untuk setiap pelajar, bagi menunjukkan sikap keprihatinan baginda terhadap rakyat Kelantan yang kurang bernasib baik. Ia disampaikan pada satu majlis khas di Dewan Pusat Sivik di sini.

Pelajar yang menerima sumbangan itu adalah daripada 239 orang yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 140 pelajar calon Penilaian Menengah Rendah (PMR), tahun ini.

Mereka adalah pelajar SM Kebangsaan Paloh terdiri 112 pelajar SPM dan 85 pelajar PMR; SM Bandar Chiku (25 SPM dan 14 PMR), SM Kebangsaan Sungai Asap (53 SPM dan 41 PMR) dan SM Kebangsaan Tengku Indera Petra (49 SPM).

Minggu lalu, sebuah akhbar harian melaporkan sebanyak 600 pelajar di jajahan itu kemungkinan tidak dapat menduduki peperiksaan PMR dan SPM tahun ini kerana masih belum menjelaskan yuran peperiksaan kerana ibu bapa masing-masing tidak mampu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengulas perkara itu mahu agensi terbabit membantu menyelesaikan masalah itu.

Pada majlis itu, Ketua Jajahan Gua Musang Shkori Mohamad berkata, kejatuhan harga komoditi kelapa sawit menyebabkan masalah kemiskinan di jajahan Gua Musang menular kepada peneroka Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) dan Felda.

Katanya menurut bancian 1998 jumlah keluarga termiskin di jajahan Gua Musang adalah sebanyak 880 keluarga terdiri penduduk pedalaman dan setinggan berikutan kurangnya kemudahan asas dan infrastruktur.

"Kini masalah kemiskinan menular di kalangan peneroka kelapa sawit dan getah. Di jajahan ini sahaja ada 2,157 keluarga peneroka Kesedar, 1,890 peneroka Felda. Mereka meliputi 20 peratus penduduk Gua Musang," katanya.

(END)